

Tinjauan Literatur Aspek Kesantunan dalam Kajian Terjemahan

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 032-041
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Farah Nur Dini Zaidi & Maheram Ahmad¹

Abstrak

Kajian tentang terjemahan semakin berkembang dan menjadi tumpuan ramai dalam kalangan pengkaji. Begitu juga dengan bidang linguistik seperti aspek kesantunan bahasa. Ia menjadi sebahagian daripada aspek yang penting dalam komunikasi sehari-hari. Kebanyakan sarjana berpendapat unsur budaya sukar untuk diterjemahkan dan aspek kesantunan bahasa sasaran yang termasuk dalam aspek perbincangan unsur budaya juga perlu dijaga agar tidak timbul salah faham dalam kalangan pembaca. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan yang telah dilakukan dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penterjemahan dan kesantunan bahasa serta menganalisis keperluan kajian untuk masa kini. Untuk merealisasikan tujuan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menganalisis data secara deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Terjemahan secara umumnya sudah banyak dikaji tetapi kajian yang berkaitan dengan aspek kesantunan masih perlu diselidiki dan diberi perhatian.

Kata Kunci

terjemahan animasi; terjemahan audiovisual; sari kata; kesantunan bahasa.

Cite This Article:

Farah Nur Dini Zaidi & Maheram Ahmad. 2020. Tinjauan literatur aspek kesantunan dalam kajian terjemahan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 032-041.

Pengenalan

Banyak kajian tentang terjemahan yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh terjemahan terkenal seperti Catford (1965), Newmark (1988) dan Roger T. Bell (2012). Menurut Bell (2012), definisi terjemahan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu terjemahan sebagai proses atau perbuatan menterjemah, aktiviti dan bukan objek yang fizikal. Kedua, terjemahan sebagai suatu karya terjemahan yang bermaksud produk daripada proses menterjemah, iaitu teks terjemahan. Ketiga, terjemahan dengan maksud konsep menterjemah dan produk daripada proses tersebut. Walau bagaimanapun, kesemua definisi terjemahan mempunyai matlamat yang sama, iaitu ia melibatkan suatu proses perluasan ilmu yang melangkaui batasan sempadan bahasa, budaya, dan geografinya serta juga melibatkan masa (Muhammad Hafiz, 2012). Oleh itu, setiap penterjemah perlu menguasai ciri-ciri linguistik dalam kedua-dua bahasa sama ada bahasa sumber mahupun bahasa sasaran (Chen Seok Yuen, 2012) kerana terjemahan adalah proses

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

MAHERAM AHMAD, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA,
E-mail: maheram@ukm.edu.my

pemindahan daripada suatu bahasa kepada satu bahasa yang lain (Maheram Ahmad, 2008). Penterjemah bukan sahaja perlu mahir dalam teori bahkan perlu ada pengetahuan dalam memindahkan makna ke dalam teks sasaran dengan menggunakan padanan semantik dan stalistik yang paling hampir (Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin, 2016).

Aktiviti terjemahan semakin berkembang dari masa ke semasa seperti terjemahan teks ilmiah, novel, berita, animasi dan rancangan televisyen. Setiap bidang yang ingin diterjemahkan memerlukan kepakaran tertentu seperti menterjemah buku ilmiah memerlukan kepakaran penterjemah dalam istilah-istilah akademik kerana ia merupakan terjemahan yang bersifat ilmiah, teknikal dan mengandungi fakta. Begitu juga dengan terjemahan dalam media massa atau terjemahan audiovisual seperti animasi. Ia memerlukan penterjemah yang mahir menterjemahkan sari kata dengan ringkas dan padat agar ia mudah difahami oleh penonton sasaran.

Terjemahan audiovisual merupakan sejenis interaksi komunikatif yang berbeza daripada jenis-jenis komunikasi yang lain kerana terjemahan ini menggunakan lambang linguistik sasaran untuk mengiringi sumber aural dan elemen semiotik visual yang lain (Karamitroglou, 2000), bahkan perkembangan penterjemahan sari kata di Malaysia sama ada di kaca televisyen atau di pawagam dilihat semakin rancak dan memberangsangkan. Di negara kita, hampir semua rancangan berbahasa asing, termasuk rancangan bahasa Inggeris, yang disiarkan di televisyen disertai dengan sari kata bahasa Melayu (Wan Amizah Wan Mahmud, 1998).

Dalam proses terjemahan, seorang penterjemah juga perlu menjaga sensitiviti atau taboo dalam suatu masyarakat supaya penutur bahasa sumber dan sasaran tidak tersinggung. Dalam hal ini, kesantunan bahasa perlu diambil berat dalam menterjemah terutamanya dalam aspek budaya. Budaya merupakan sebahagian daripada bahasa yang tidak terpisah dalam komunikasi masyarakat seharian. Malah, bahasa berfungsi sebagai alat untuk merefleksi nilai-nilai budaya dalam masyarakat selain mengekspresikan realiti budaya kepada orang lain (Mohd Nur Ariffin, 2018)

Apabila faktor budaya memainkan peranan dalam aktiviti terjemahan, maka secara langsung ia juga berkaitan dengan aspek kesantunan bahasa yang merujuk kepada nilai sopan, melibatkan pertuturan yang elok, halus dan indah serta sikap yang memancarkan budi pekerti mulia. Kata-kata yang diucapkan tidak mempunyai maksud sindiran atau ejekan sebaliknya mengandungi unsur kejujuran serta menggunakan bahasa yang tidak menyinggung perasaan orang lain yang mendengarnya (Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad, Mohd Nur Hafizuddin, 2011).

Aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan. Sesebuah karya sastera yang bermutu tidak akan meminggirkan aspek kesopanan berbahasa sebagai cerminan keintelektualan pengarangnya (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2014). Selain itu, ia juga menjadi cerminan diri dan keperibadian seseorang, bahkan kesopanan amat berkait rapat dengan sosiobudaya penutur yang menjadi penentu tahap kesopanan penuturnya.

Pernyataan Masalah

Menterjemah adalah satu tugas yang sukar, lebih-lebih lagi jika ia melibatkan unsur budaya dan aspek kesantunan yang terdapat dalam budaya itu. Rata-rata sarjana terdahulu mengatakan kesukaran dalam menterjemahkan perkataan unsur budaya (Newmark, 1998; Venuti, 2000; Goh & Azman, 2009; Holzwarth, 2009; Kim, 2010; Katan, 2013). Hal ini kerana unsur budaya merupakan isu yang sinonim dengan penterjemahan yang melibatkan dua konteks budaya yang berbeza. Dalam konteks berbahasa pula, Gumperz (1993) menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa perlu dilakukan dalam konteks sosial dan hubungannya dengan norma, nilai dan ciri-ciri budaya yang menguasai percakapan masyarakat tersebut. Selain itu, Lakoff (dalam Khaidi Zhan, 1992) menjelaskan bahawa kajian ke atas fenomena kesantunan antara budaya adalah penting untuk menjelaskan aspek kesantunan yang universal dan kesantunan hanya terdapat dalam masyarakat tersebut sahaja.

Selain itu, makna melalui persamaan agama dan keturunan kaum tidak menggambarkan persamaan kefahaman amalan kesantunan bahasa. Banyak faktor yang perlu diambil kira seperti cara didikan oleh ibu bapa, guru-guru, taraf pendidikan keluarga, taraf sosioekonomi keluarga dan sebagainya (Riduan Makhtar & Abd Ganing Laenkang, 2016). Manakala masalah kesopanan dilihat semakin luntur dalam kalangan generasi muda Y dan Z. (Zaitul Azma Zainon, Ahmad Fuad, Mohd Nur Hafizuddin, 2011).

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendekatan yang telah dilakukan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan penterjemahan dan kesantunan bahasa serta menganalisis keperluan kajian untuk masa kini.

Metode Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data. Data dikumpul daripada buku, jurnal, tesis, kertas kerja, persidangan dan sebagainya. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif.

Analisis Tinjauan Literatur

Dalam kajian ini, tinjauan literatur dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu aspek budaya, novel dan cerpen (bertulis) serta filem dan drama (audiovisual).

Aspek Budaya

Banyak kajian lepas yang menunjukkan pelbagai kajian telah dilakukan oleh para sarjana mengenai terjemahan aspek budaya dalam pelbagai bahasa dan bangsa. Antaranya ialah kajian

yang dilakukan oleh Cheryl Woo dan Rokiah Awang (2018) yang bertajuk Isu Bahasa dan Budaya dalam Penterjemahan *Kyoto. City Of Zen: Visiting The Heritage Sites of Japan's Ancient Capital*. Kajian ini melakukan analisis prapterjemahan dan mengenalpasti isu-isu yang dihadapi oleh penterjemah dalam proses terjemahan, serta pendekatan dan prosedur yang digunakan untuk menangani isu tersebut.

Isu-isu yang dibincangkan adalah gaya bahasa, kata budaya, kata nama dan struktur ayat majmuk. Prosedur yang digunakan untuk kajian ini ialah pemindahan, naturalisasi, pinjam-terjemah, terjemahan literal, pengguguran dan persamaan budaya yang diperkenalkan oleh Peter Newmark (1988). Kesan daripada penggunaan pendekatan Penterjemahan Berunsur Asing oleh Lawrence Venuti (1995) adalah untuk mengekalkan unsur asing yang disampaikan oleh penulis. Manakala pengaplikasian pendekatan Penterjemahan Berunsur Tempatan oleh Venuti (1995) digunakan untuk menyampaikan nilai budaya dan linguistik yang difahami oleh budaya sasaran.

Kajian Arnida A. Bakar, Sulhah Ramli dan Lubna Abd Rahman (2017) yang bertajuk “Aspek Semantik dalam Terjemahan Unsur Budaya ke Bahasa Melayu: Kajian dalam Surah Al-Baqarah” memfokuskan penterjemahan makna unsur budaya dalam al-Quran ke dalam bahasa Melayu dengan meninjau pendekatan yang digunakan oleh penterjemah makna al-Quran dalam memindahkan makna tersebut. Metode kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen untuk mengakses kajian lepas dan mengumpul data berkaitan dengan unsur budaya dalam surah al-Baqarah dan terjemahannya.

Kajian tersebut merupakan kajian analitikal kerana pengkaji mengaplikasi analisis semantik untuk meninjau makna unsur budaya. Melalui unsur semantik, kajian ini dapat mengenalpasti pendekatan yang diguna pakai oleh penterjemah dalam memindahkan unsur budaya. Secara umum dapat diperhatikan bahawa penterjemahan makna unsur budaya menggunakan pendekatan literal supaya makna tersebut tidak diseleweng dan ditafsir sewenang-wenangnya. Selain itu, terdapat beberapa teknik yang diaplikasikan untuk menterjemahkan unsur budaya, iaitu teknik perluasan dan transliterasi rumi.

Kertas kerja yang ditulis oleh Salinah Ja'afar (2005) yang bertajuk “Kesantunan Bahasa: Pertembungan antara budaya Melayu-Bukan Melayu dan Islam-Bukan Islam” menghuraikan tentang pertembungan budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia telah menimbulkan pelbagai ragam dan corak komunikasi antara masyarakat yang terlibat. Oleh itu, penulis membincangkan tentang persepsi persamaan dan perbezaan nilai serta etos daripada aspek komunikasi terhadap budaya bukan Melayu dan bukan Islam terutama dalam aspek kesantunan bahasa.

Rumusan daripada kertas kerja tersebut, boleh dikatakan bahawa masyarakat bukan Melayu mempunyai kesantunan ketika berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan mereka juga akan lebih santun sekiranya didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu yang lebih luas. Mereka tidak dapat menunjukkan kesopanan kerana tidak memahami penggunaan bahasa Melayu dengan mendalam, sebaliknya hanya menggunakan bahasa Melayu pada waktu-waktu tertentu sahaja.

Secara keseluruhannya, dapat diperhatikan bahawa dalam kajian lepas, setiap pengkaji menggunakan metode dan teori yang berbeza dalam pendekatan menterjemah budaya asing kepada budaya bahasa sasaran seperti mengaplikasikan Penterjemahan Berunsur Asing dan Penterjemahan Berunsur Tempatan oleh Lawrence Venuti (1995) serta terjemahan literal.

Manakala kajian Salinah Ja'afar (2005) memberi kesimpulan tentang penggunaan bahasa Melayu yang mendalam dalam kalangan penutur bukan Melayu dapat melahirkan komunikasi yang lebih santun antara penutur. Pada masa akan datang, kajian tentang hubungan antara penterjemahan budaya dan kesopanan mungkin dapat dilakukan dalam bentuk korpus bercetak pula seperti buku-buku cerita atau hikayat lama kerana pada kebiasaannya korpus sebegini diselitkan juga hal budaya suatu masyarakat. Pendekatan teori yang bakal digunakan mungkin berbeza dalam menganalisis budaya asing dan mungkin dapat mencipta teori baharu yang bersesuaian serta universal dalam bidang terjemahan dan linguistik.

Novel dan Cerpen (Bertulis)

Satu artikel yang bertajuk “Analisis Cara Penterjemahan Cerpen Bahasa Inggeris kepada Bahasa Arab” oleh Diyak Ulrahman bin Mat Saad pada tahun 2017 menganalisis kaedah penterjemahan cerpen bahasa Inggeris ke bahasa Arab dan mengkaji penggunaan perkataan yang tepat dan bersesuaian dalam menterjemah kepada bahasa sasaran.

Kajian ini menggunakan dua korpus cerpen bahasa Inggeris yang bertajuk “*The Sultan and Sheherezade*” dan “*Behind The Door*” dalam hikayat popular “*Tales from 1001 Nights*” yang dikumpulkan dan diterjemahkan oleh Lina Zahir Sultan. Kemudian korpus tersebut dianalisis lima unit sampel secara rawak. Pada akhir kajian, beliau mendapati bahawa tidak semua perkataan boleh digunakan dalam menterjemahkan suatu perkataan atau frasa walaupun perkataan tersebut mempunyai makna yang sama.

Selain itu, Noorsyuhada Mohamed Salleh (2015) dalam kajiannya yang bertajuk “Penterjemahan Novel Ranjau Sepanjang Jalan ke Bahasa Arab: Masalah dan Penyelesaian” bertindak menterjemahkan bab pertama novel ini ke bahasa Arab bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi ketika menterjemah. Oleh itu, beliau menentukan kaedah yang sesuai digunakan dalam proses penterjemahan sekaligus menyelesaikan masalah terjemahan.

Dalam dapatan kajian, banyak masalah yang timbul ketika proses penterjemahan berlaku terutamanya masalah untuk menterjemahkan budaya dan linguistik, dialek, bahasa Melayu lama, ayat kiasan dan nama-nama peralatan. Oleh itu, beliau menggunakan kaedah persamaan, modulasi, penyesuaian dan perkembangan dalam menterjemahkan ke bahasa sasaran.

Artikel jurnal yang ditulis oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) yang bertajuk “Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice” membincangkan kesopanan bahasa pada dialog watak utama dan watak sampingan pada Bab 5 novel ini. Novel *Melunas Rindu* merupakan komponen sastera (komsas) bagi pelajar tingkatan 4 di zon 4 yang merangkumi negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Data tersebut dianalisis menggunakan maksim kesantunan Leech dan Grice berdasarkan kaedah kepustakaan, teks dan kuantitatif. Dapatan kajian mendapati bahawa dialog tersebut cuma memenuhi empat maksim Leech dan dua maksim Grice. Walau bagaimanapun, novel ini menunjukkan kesopanan bahasa tetap mendominasi kebanyakan analisis yang telah dikaji yang jelas menggambarkan sosiobudaya masyarakat Melayu.

Kajian Maheram Ahmad (2008) yang bertajuk “Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera” dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana masalah yang dihadapi oleh penterjemah ketika menterjemah teks sastera Arab ke bahasa Melayu. Terdapat empat permasalahan yang dikenalpasti iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan diksi,

budaya, makna dan bentuk puisi. Kajian ini menggunakan metodologi yang dinamakan kajian korpus yang menggunakan sampel yang diambil secara rawak daripada dua buah korpus, iaitu *Kasih dan Harapan* serta *Pancasura: Himpunan Sajak Arab Klasik dan Moden*. Kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah yang digunakan oleh penterjemah. Jika kaedah yang digunakan tidak sesuai, pengkaji akan mengusulkan kaedah lain yang sepatutnya digunakan.

Hasil kajian mendapati bahawa penterjemah menggunakan kaedah penterjemahan harfiah dalam teks sastera-cerpen dan menggunakan kaedah *blank-verse translation* bagi menterjemahkan puisi. Kajian ini juga mendapati bahawa diksi boleh menimbulkan masalah kepada penterjemah, khususnya kata ganti nama diri kedua, peribahasa dan bahasa kiasan. Selain itu, banyak perkataan yang berkaitan dengan unsur budaya tidak dapat diterjemahkan dengan baik.

Kajian yang telah dilakukan oleh Suhaila Zailani @ Ahmad (2003) yang bertajuk Sosiolinguistik dan Etnologi dalam Masalah Penterjemahan *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah* menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengkaji ketepatan penggunaan kata ganti nama diri (KGND) dan sistem gelaran bahasa sasaran, iaitu mengikut peraturan sosiolinguistik bahasa Melayu serta untuk mengenalpasti kesilapan terjemahan disebabkan masalah budaya.

Dapatkan kajian membuktikan bahawa penggunaan KGND dan sistem gelaran menepati sosiolinguistik bahasa sasaran adalah antara sebab suatu terjemahan itu dapat diterima dengan baik oleh pembaca sasaran. Kesilapan terjemahan yang berkaitan dengan masalah budaya dikenalpasti iaitu kecenderungan penterjemah membuat terjemahan secara literal dan menggunakan perkataan Arab yang telah diasimilasikan mengikut sebutan bahasa Melayu dan terjemahannya. Selain itu, penterjemah kerap meninggalkan perkataan dan ayat yang mengandungi masalah budaya tanpa diterjemahkan ke bahasa sasaran.

Hasil pemerhatian daripada kajian di atas, didapati bahawa tujuan kajian hampir sama iaitu, mengenalpasti ketepatan makna dalam terjemahan dan mengutarakan kaedah yang sesuai dengan menggunakan teori tertentu. Penambahan pada masa hadapan, dicadangkan agar kajian terjemahan dan linguistik Arab lebih banyak dilakukan untuk mendalamai ilmu bahasa al-Quran ini seperti memformulasikan kaedah terjemahan baharu yang sesuai dengan perkembangan bahasa dan teori kesantunan yang khusus kerana bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa ibunda lebih daripada 250 juta etnik Arab di Timur Tengah hingga ke Afrika Utara. Seperti yang sedia maklum, kebanyakan teori yang diketengahkan berasal daripada sarjana barat dan teori tersebut merangkumi secara umum dan disesuaikan dengan masyarakat sasaran. Sudah tiba masanya untuk mencipta suatu teori baharu untuk bahasa sasaran tertentu khususnya bahasa Arab seperti teori Kesantunan Melayu telah dicipta oleh Indirawati Zahid untuk menilai dan mengkaji kesantunan khusus bagi masyarakat Melayu.

Filem dan Drama (Audiovisual)

Noor Eliza Abd Rahman (2014) dalam kajiannya yang bertajuk “Penterjemahan Audiovisual: Kajian Sari Kata Arab Melayu” bertujuan untuk mengenal pasti strategi penterjemahan bahasa kiasan dan budaya dalam sari kata, menganalisis aplikasi strategi-strategi penterjemahan dalam sari kata dari sudut ketepatan makna dan kesampaian mesej sari kata yang dihasilkan dan mencadangkan strategi serta kaedah yang sesuai dalam penterjemahan bahasa kiasan, budaya dan penggunaan strategi penterjemahan.

Kajian beliau berbentuk kajian kualitatif menggunakan analisis dokumen untuk mendapatkan data. Data kajian ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan daripada tiga buah drama Arab, iaitu *Shahrazad*, *Flag Of Truth* dan *Qamar Bani Hashim*. Data-data tersebut dianalisis secara deskriptif berdasarkan strategi penterjemahan metafora Newmark dan strategi penterjemahan Newmark. Hasil analisis beliau mendapati bahawa penyari kata menggunakan tiga strategi penterjemahan bahasa kiasan iaitu, penterjemahan literal yang mendominasi diikuti strategi pentafsiran dan strategi penggantian.

Manakala dalam penterjemahan budaya pula, sepuluh strategi digunakan dan strategi padanan budaya, modulasi dan padanan fungsian lebih kerap dipraktikkan. Dapatan analisis aplikasi strategi penterjemahan pula menunjukkan kesampaian mesej lebih diutamakan daripada ketepatan makna. Dalam sudut ketepatan makna pula, kesemua sembilan strategi tidak mencapai peratusan penuh. Selain itu, dari sudut kesampaian mesej, enam strategi berjaya mencapai seratus peratus.

Kajian yang dilakukan oleh Sarinah binti Sharif (2014) dalam tesis kedoktoran beliau yang bertajuk “Terjemahan Kata Kerja bahasa Jepun ke bahasa Melayu dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun” telah menggunakan tiga teori dalam strategi penyarikataan iaitu padanan dinamis (Nida, 1954), lima strategi terjemahan kata kiasan (Larson, 1984), tiga jenis ketidakpadanan dalam sistem leksikal (Larson, 2003), dan 10 strategi penyarikataan (Gottlieb, 1992). Dalam kajian ini, beliau menggunakan dua jenis animasi Jepun yang popular di Jepun yang telah dialih suara atau diberi sari kata ke bahasa-bahasa utama dunia seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Sepanyol dan bahasa Perancis.

Kajian ini berbentuk kualitatif melalui cara mentranskripsi bahasa sumber dan bahasa sasaran yang diambil daripada DVD asal. Dalam masa yang sama, beliau juga turut melakukan transliterasi huruf bahasa Jepun ke huruf roman. Korpus dianalisis mengikut lima objektif kajian secara berperingkat. Daripada hasil analisis kajian beliau, dapat disimpulkan bahawa kata kerja bahasa Melayu lebih isolatif (terasing) berbanding dengan kata kerja bahasa Jepun kerana jumlah variasinya lebih sedikit. Secara keseluruhan kajian beliau dapat mencapai objektif kajian seperti yang telah disebutkan.

Hasuria binti Che Omar (2004) dalam kajiannya yang bertajuk “Penterjemahan dalam Audiovisual – Televisyen: Satu Analisis Mesej” mengkaji tentang pemindahan bahasa bagi elemen verbal peranti linguistik dalam wacana: kohesi dan koheran dalam dialog program televisyen serta pemindahan bahasa elemen parabahasa dan mengenalpasti strategi penghasilan sari kata. Beliau juga mengkaji sejauh mana output sari kata ini mempengaruhi pemahaman penonton. Pendekatan semantik dan komunikatif merupakan elemen utama yang digunakan dalam kajian ini. Kajian tersebut dibuat dalam dua peringkat. Pertama ialah analisis deskriptif bagi elemen verbal leksis dan elemen parabahasa.

Kedua-dua dikaji dari segi kesan mesej yang dihasilkan daripada strategi terjemahan yang digunakan. Beliau juga telah menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 110 responden. Kajian ini mendapati bahawa pengekalan dan pengguguran telah digunakan untuk menangani elemen kohesi dan koheran dalam wacana audiovisual. Secara tidak langsung dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan penyediaan sari kata sedia ada sekarang dapat diterima pakai tetapi masih boleh ditingkat kualiti outputnya melalui beberapa penambahbaikan.

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan, kebanyakan kajian dalam filem dan drama mengetengahkan terjemahan sari kata daripada bahasa asing ke bahasa Melayu. Kesemua kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan menguji sampel dan teori. Pada masa akan datang, kajian sari kata mungkin boleh dilakukan secara kuantitatif dengan menguji pemahaman mesej dan kandungan audiovisual melalui sari kata terhadap pendengar. Selain itu, tahap kesantunan bahasa juga dapat dikaji dalam kalangan penutur sasaran melalui kaedah temubual dan pemahaman mereka terhadap audiovisual yang dikaji. Ketepatan makna akan diuji berdasarkan pemerhatian mereka sekaligus mendapat pandangan penutur sasaran tentang budaya penutur asal.

Kesimpulan

Terjemahan dan aspek budaya tidak dapat dipisahkan lagi. Kedua-duanya saling berkait rapat apabila aktiviti terjemahan dilakukan. Oleh itu aspek linguistik juga perlu dititikberatkan. Secara keseluruhan, kebanyakan kajian terjemahan lebih menumpukan kajian dalam penterjemahan cerpen dan novel daripada bahasa asing ke bahasa Melayu dan masih kurang penterjemahan daripada bahasa Arab.

Begini juga dengan penterjemahan sari kata daripada bahasa Arab yang perlu diterjemahkan lagi kerana bahasa Arab sebagai wadah kepada pembelajaran ilmu agama dan Islam. Penterjemahan daripada bahasa Arab amat penting dilakukan dengan lebih banyak lagi agar ia boleh dijadikan sebagai rujukan oleh para penyelidik, pensyarah dan pelajar sejarah dengan perkembangan bahasa Arab yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Untuk masa hadapan, dicadangkan agar lebih banyak kajian tentang cabang-cabang linguistik seperti kesantunan bahasa dikaji dengan lebih mendalam dan meluas supaya dapat dikongsikan kepada orang ramai untuk melahirkan masyarakat yang menghormati bahasa dan budaya orang luar bahkan penterjemahan dan linguisitik juga berkait rapat dalam menghasilkan terjemahan yang baik.

Kesimpulan daripada hasil tinjauan literatur ini didapati bahawa pelbagai pendekatan yang digunakan dalam terjemahan dan kesantunan bahasa untuk mendapatkan hasil kajian yang baik. Teori-teori yang digunakan juga perlu dicipta semula untuk masyarakat kini mengikut kesesuaian bidang ini yang semakin berkembang dalam kalangan pengkaji.

Rujukan

- Ainon Muhammad. 1994. Panduan Menterjemah. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ainon Muhammad & Abdullah Hassan. 2006. Teori dan Teknik Terjemahan. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Arnida A. Bakar, Sulhah Ramli & Lubna Abd Rahman. 2017. Aspek Semantik dalam Terjemahan Unsur Budaya ke Bahasa Melayu: Kajian dalam Surah Al-Baqarah. *E-Proceedings of The 4th International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*.

- Asmah Omar. 2000. Wacana, Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. Santun Berbahasa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carford, J.C. 1965. A Linguistic Theory of Translation. Oxford University Press.
- Chen Seok Yuen. 2012. Strategi Penterjemahan Mainan Kata dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Cina dalam *Alice's Adventures in Wonderland*. Disertasi Sarjana Universiti Malaya.
- Cheryl Woo & Rokiah Awang. 2018. Isu Bahasa dan Budaya dalam Penterjemahan *Kyoto. City of Zen: Visiting The Heritage Sites of Japan's Ancient Capital*. Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa (ISTR) 17-18 Oktober 2018.
- Diyak Ulrahman Mat Saad. 2017. Analisis Cara Penterjemahan Cerpen Bahasa Inggeris kepada Bahasa Arab. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-2 (PASAK 2017).
- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. 2009. Penterjemahan dalam Budaya. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-12. Kelestarian Bidang Penterjemahan (pp. 358-375). Kuala Lumpur : Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Haslina Haroon & Hasuria Che Omar. 2009. Asas Terjemahan dan Interpretasi. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hasuria Che Omar. 2006. Penterjemahan Audiovisual Televisyen. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holzwarth, H. 2009. Penterjemahan Novel Siddhartha Ke Dalam Bahasa Melayu. Jurnal Penterjemah, XI, 26-39.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. Multimedia Dalam Pendidikan. Bentong: PTS Publications.
- Karamitroglou, F. 2000. *Towards a Methodology for the Investigation of Norms in a Audiovisual Translation: The Choice Between Subtitling and Revoicing in Greece*. Amsterdam: Rodopi B.V.
- Katan, D. 2013. In The Encyclopedia Of Applied Linguistics In Chapelle, C. A., (Eds.) Cultural Approaches To Translation . London : Wiley-Blackwell.
- Kim, J. H. 2010. A Study On Korea-Arabic Translation Of Advertisement Texts: With Focus On Culture-Specific Terms. Seoul : Hankuk University of Foreign Studies.
- Khaidi Zhan. 1992. The Strategies of Politeness in Chinese Language. Berkeley. Institute of East Asian Studies, University of California.
- Leech, Geoffrey. 2014. *The Pragmatics of Politeness*. Oxford Studies in Sociolinguistics, Oxford University Press. 198 Madison Avenue, New York.
- Luyken, G.M., Herbst, T., Langham-Brown, J., Reid, H. & Spinhof, H. 1991. *Overcoming Language Barriers in Television*. UK: The European Institute for the Media.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera. Tesis Dr. Falsafah Universiti Malaya.
- Mohd Nur Ariffin. 2018. Hubungan Budaya dan Pengajaran Bahasa. Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten, Indonesia.
- Muhammad Hafiz Abu Bakar. 2012. Terjemahan Kata Kerja Berposisi Arab-Melayu dalam Kitab Mustika Hadis. Tesis Dr. Falsafah Universiti Putra Malaysia.
- Newmark, P. 1988. *Text A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall International.

- Noriati A. Rashid. 2005. Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 15*.
- Noor Eliza Abd Rahman. 2014. Penterjemahan Audiovisual: Kajian Sari Kata Arab Melayu. Tesis Dr. Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorsyuhada Mohamed Salleh. 2015. Penterjemahan Novel Ranjau Sepanjang Jalan ke Bahasa Arab: Masalah dan Penyelesaian. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Naimah Akmar Kamaruddin & Harun Baharudin. 2016. Penggunaan *Google Translate* dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab. Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (ISPEN-i-2016).
- Riduan Makhtar & Abd Ganing Laenkang. 2016. Amalan dan Penilaian Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar Pascasiswazah Melayu Muslim. *Jurnal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 3*. 001-018
- Roger T. Bell. 2012. Terjemahan Produk dan Proses. Terjemahan oleh Zuraidah Ibrahim Bell dan Syed Nurulakla. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Jaafar. 2005. Kesantunan Bahasa: Pertembungan Antara Budaya Melayu-Bukan Melayu dan Islam-Bukan Islam. Seminar Zaaba Mengenai Alam Melayu II, 22-24 Februari 2005.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. 2014. Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi Struktur Dalam Peristiwa Melunas Rindu. *Jati*. 19(1): 151-168
- Sarinah Sharif. 2015. Terjemahan Kata Kerja Bahasa Jepun (BJ) ke dalam Bahasa Melayu (BM) dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun. Tesis Dr. Falsafah Universiti Malaya.
- Suhaila Zailani @ Ahmad. 2003. Sosiolinguistik dan Etnologi dalam Masalah Penterjemahan Hikayat *Alf Laylah Wa Laylah*. Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Venuti, L. 2000. The Translation Studies Reader. Routledge. Taylor & Francis Group. London and New York.
- Wan Amizah Wan Mahmud. 1998. Kaedah Penterjemahan Sari Kata Dokumentari dan Komedi Semasa di Televisyen: Satu Kajian Perbandingan. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. 2011. Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa Volume 11, No 2, 2011*.
- Zuraini Ramli, Dahlia Janan, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Khairul Azam Bahari. 2009. Amalan Kesantunan Berbahasa di Sekolah. Project Report. Universiti Pendidikan Sultan Idris..